

08 JUL 2003

Pelancongan (Bergambar)

JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG MENURUN 27.4 PERATUS JAN-MEI INI

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia bagi bulan Januari hingga Mei tahun ini menurun sebanyak 27.4 peratus kepada 3.8 juta orang berbanding 5.33 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Ketua Pengarah Lembaga Penggalakkan dan Pelancongan Malaysia (Pelancongan Malaysia) Datuk Abdullah Jonid berkata sebahagian besar penurunan itu adalah disebabkan oleh wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang melanda rantau ini sejak bulan Mac lalu.

Abdullah berkata menyedari akan kesan negatif SARS terhadap industri pelancongan negara, Tourism Malaysia dengan kerjasama Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan promosi besar-besaran di Asia Barat dan Asia Tenggara.

"Antara langkah yang dilakukan adalah dengan mengadakan kempen pengiklanan secara menyeluruh di semua media, khususnya untuk memberi keyakinan kepada penduduk Asia Barat (tentang keselamatan negara ini)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Pandu Misteri Bernama-Pelancongan Malaysia 2003 di sini hari ini. Beliau mewakili Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Katanya badan itu juga telah melantik beberapa agensi perhubungan awam profesional di Dubai, Lubnan, Turki dan Arab Saudi bagi memberi keterangan positif tentang Malaysia.

Beliau berkata dengan langkah-langkah yang telah diambil itu, pihak kerajaan dan Pelancongan Malaysia berharap dapat membantu mencapai sasaran jumlah kedatangan pelancong yang ditetapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di dalam pembentangan Bajet 2003 iaitu sasaran seramai 15.3 juta pelancong bagi tahun ini.

Mengenai program pandu misteri pula, Abdullah berkata ia adalah satu daripada aktiviti sokongan dalam usaha kerajaan mempromosikan pelancongan domestik.

Katanya usaha untuk meningkatkan pelancongan dalam negara telah menjadi matlamat utama Pelancongan Malaysia dalam kempen-kempennya.

Beliau berkata sejak program Cuti-Cuti Malaysia dilancarkan pada tahun 1999, industri pelancongan domestik telah menunjukkan peningkatan kerana kempen mempromosikan keindahan Malaysia telah berjaya menarik ramai penduduk tempatan untuk melancong.

-- BERNAMA

NN SAK RV RHM